

Headline	150 pelajar sertai Kem Hebat English		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	156 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,033
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,098



## 150 pelajar sertai Kem Hebat English

**TAIPING 7 Julai** - Seramai 150 pelajar dari sembilan buah sekolah di daerah ini menyertai Kem Hebat English anjuran Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) melalui Kelab Tabung Haji (Kelab TaHa) dengan kerjasama Kumpulan Utusan dan dikendalikan oleh Berkat Minda Resources di sini hari ini.

Sekolah yang mengambil bahagian ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jana, SMK Kamunting, SMK Kampung Jambu dan SMK Kamunting Bakti, SMK Klian Pauh, SMK Taman Panglima, SMK Dr. Burhanuddin, SMK Treacher Methodist dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Maahad Al-Khair Lil Banat.

Program yang dirasmikan Pengurus Tabung Haji Cawangan Taiping, Roslan Jonet itu turut dihadiri Pengarah Urusan Berkat Minda Resources, Mahmod Mat Ali dan Penolong Pegawai Pelajaran Daerah Larut Matang Selama (Bahasa Inggeris), Nazilah Anver Batcha.

Seorang peserta yang ditemui, **Amjad Zaida El-Muhammady**, 15, berkata, kem yang dianjurkan oleh Tabung Haji itu sangat bermanfaat kepada pelajar terutama yang bakal menghadapi peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) sepertinya.

Menerusi program tersebut, katanya, tenaga pengajar pakar berkongsi formula ringkas, dalam

memberi kefahaman yang lebih mudah dan berkesan kepada pelajar.

"Kem ini sangat menyeronokkan kerana terdapat komunikasi aktif antara pengajar dan pelajar. Ini menjadikan program ini lebih berkesan dan menguji minda," kata pelajar SMK Taman Panglima itu.

Bagi pelajar SMK Dr. Burhanuddin, **Azyan Munirah Mohd. Yasin**, kem yang disertainya itu amat membantu untuk lebih menguasai bahasa Inggeris dari semua aspek.

"Terima kasih kepada Tabung Haji kerana menganjurkan program yang bermanfaat ini. Program ini amat membantu keyakinan diri saya untuk menggunakan bahasa Inggeris dan menghadapi PT3 tidak lama lagi," katanya.

Sementara itu, **Nazilah** berkata, kem itu bukan sahaja mampu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris malah membantu membina keyakinan diri dalam kalangan pelajar yang terlibat.

Katanya, menerusi kem tersebut, pelajar diberi pendedahan mengenai semua aspek dalam bahasa itu seperti kemahiran membaca, bercakap, mendengar dan menulis.

"Kem ini bagus kerana kandungan programnya adalah berasaskan aktiviti. Kaedah ini bukan sahaja menarik minat pelajar malah membuka minda mereka ekoran persekitaran pembelajaran yang berbeza," ujarnya.